

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI MAJLIS PELANCARAN
BUKU "SENDA, SINDIR, SENGAT"
DI MUZIUM NEGARA, KUALA LUMPUR
PADA HARI KHAMIS, 14HB. JUN, 1990
PUKUL 3.00 PETANG

Yang Berbahagia Dato Zakiah Hanum;

Dif-Dif Kehormat;

Puan-puan dan Tuan-tuan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat hadir di Majlis ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana telah menjemput saya untuk merasmikan pameran serta melancarkan buku "Senda, Sindir, Sengat" karya Yang Berbahagia Dato Zakiah Hanum. Saya tertarik dengan pameran yang telah diatur sempena pelancaran buku mengenai karikatur Melayu silam ini.

2. Seperti yang dihuraikan oleh Dato Zakiah Hanum tadi, buku ini mengandungi karikatur-karikatur lama yang dipetik daripada akhbar-akhbar silam yang dikumpul oleh beliau sendiri dan dibuat kajian untuk dijadikan bahan bacaan dan renungan. Saya menganggap usaha ini amat berfaedah kerana ia

...mencungkil/-

mencungkil satu lagi aspek bahan warisan kita yang menggambarkan pemikiran dan perasaan orang Melayu di zaman lampau. Daripada karikatur ini dapat kita bayangkan perasaan masyarakat masa lampau mengenai perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka sama ada bercorak politik, sosial, keagamaan atau sebagainya.

3. Menerusi karya-karya ini para artis dapat mengongsi perasaan mereka sama ada perasaan risau, bimbang atau gembira dengan para pembaca. Sebagai pewaris kepada bahan-bahan maklumat, buku ini juga dapat membayangkan perasaan yang menyentuh jiwa dan raga pelukis-pelukis itu. Terbayang kepada kita akan perasaan tertindas, kecewa dan duka yang menimpa masyarakat pada waktu itu. Di

...kala/-

kala tercetusnya semangat nasionalisma terbayang pula bahang politik, perasaan cintakan negara dan bangsa di kalangan mereka.

4. Saya sendiri pernah membaca karikatur-karikatur ini terutamanya daripada akhbar Majlis suatu ketika dahulu yang memaparkan peristiwa-peristiwa dan perkara-perkara berkaitan dengan kebangkitan semangat kebangsaan dan penubuhan UMNO. Watak-watak seperti Allahyarham Dato Onn jelas kelihatan dalam karikatur ini. Memang tidak dapat dinafikan bahan-bahan yang dicungkil daripada akhbar-akhbar Warta Jenaka dan Majlis yang dimuatkan dalam buku "Senda, Sindir, Sengat" dan dipamerkan di Pameran Karikatur Melayu Silam merupakan suatu

...himpunan/-

himpunan yang berguna sebagai bahan kajian sejarah. Saya berharap para pengkaji sejarah akan meneliti bahan-bahan ini dan mengkaji watak-watak dan peristiwa yang dikarikaturkan ini yang jelas menggambarkan perkembangan sejarah sosial dan politik tanahair.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

5. Karikatur dan kartun adalah media yang popular yang digunakan dalam akhbar-akhbar dan majalah bukan sahaja di masa lampau tetapi juga pada masa sekarang. Bahan-bahan ini kian menjadi popular dengan adanya pelukis-pelukis yang terkenal dan diminati ramai seperti Lat, Nan, Rejabhad dan lain-lain yang tidak putus-putus menghibur dan menyindir masyarakat sambil "menyengat"

...mereka/-

mereka secara halus dan bersahaja. Bahan-bahan bacaan seperti majalah Gila-Gila, Humor dan lain-lain kian popular bukan sahaja kepada anak-anak muda tetapi juga di kalangan orang dewasa yang mendapati karya-karya ini matang daripada segi pemikiran walaupun ianya melucukan daripada segi persembahan. Inilah intipati kepada karya kartun atau karikatur — selalu gila-gila, penuh humor tetapi padat dengan makna dan mengandungi pesanan yang berguna.

6. Sebagai satu cabang seni, karikatur dan kartun adalah media yang unik dan menarik. Saya percaya ramai anak-anak muda yang kreatif akan memberi perhatian dan menceburi bidang ini dan menghasilkan karya-karya yang dapat menggerakkan pemikiran masyarakat.

...Banyak/-

Banyak yang perlu kita lakukan untuk menggerakkan masyarakat berfikir mengenai perkara-perkara yang berfaedah. Kita tahu masyarakat berupaya berfikir tetapi mereka perlu selalu digerakkan untuk melihat sesuatu dengan matang dan waras.

7. Para pelukis kita begitu kreatif sekali dan ramai yang dianggap terbilang terutamanya di peringkat antarabangsa. Karya-karya mereka yang kerap dipamerkan di luar negeri mendapat sanjungan dan pujian yang tinggi, dan negara sudah tentu berbangga dengan sumbangan mereka. Pelukis-pelukis kartun dan karikatur seperti Lat juga sudah disebut-sebut di peringkat antarabangsa dan disanjung tinggi di atas keistimewaan mereka itu. Kita berbangga dengan kecemerlangan

...mereka/-

mereka, sambil itu kita juga berharap negara akan dapat melahirkan ramai lagi karyawan yang unggul dan cemerlang yang akan menjadi kebanggaan kita semua dan merupakan kesinambungan kepada warisan seni tanahair.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

8. Bahan-bahan kartun dan karikatur sebagai bahan bukti sejarah seharusnya dikumpul dan dipelihara supaya menjadi warisan kepada generasi akan datang. Saya difahamkan bahawa Arkib Negara telahpun menubuhkan Arkib Kartun dan sebahagian daripada bahan-bahan yang ada ini telah dikumpul dan diterbitkan dalam buku "Senda, Sindir, Sengat" ini. Saya berbangga dan mengucapkan tahniah di atas usaha Arkib Negara menubuhkan Arkib Kartun ini. Usaha

... ini/-

ini seharusnya mendapat sokongan daripada orang ramai. Saya ingin menyeru kepada orang ramai yang ada menyimpan bahan-bahan kartun dan karikatur sama ada dalam bentuk kerja asal ataupun sudah dicetak dapat menyumbangkannya kepada Arkib Negara dan seterusnya memperkayakan lagi bahan sejarah negara kita.

9. Dengan ini saya dengan nama Allah yang amat Pemurah lagi amat Mengasihani merasmikan pameran Karikatur Melayu Silam dan melancarkan buku "Senda, Sindir, Sengat".



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATAYAN
KEPIMPINAN
PERDANA